

CERMAT

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Bil. 18 Tahun 2

Jun 1995

ISSN 0128-8431

Tema Hari Pengguna 1995

INFLASI SIFAR *Sasaran Kita*

*Petikan Ucapan Perdana Menteri
YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di
Majlis Pelancaran Hari Pengguna Sedunia
1995 dan Kempen Anti-Inflasi pada 2 Jun
lalu.*

'Kita semua adalah pengguna. Malangnya, kerap kali kita lupa memperingati diri kita bahawa kita adalah pengguna semasa kita mengeluarkan dan menjual barangan atau khidmat kita. Hanya apabila kita membeli barangan atau khidmat barulah kita begitu kuat berlagak sebagai pengguna.

Sebagai pengguna kita begitu marah jika harga terlalu mahal, atau khidmat kurang baik sedikit atau kualiti tidak seperti yang didakwa. Sebaliknya, jika kita yang menjual mahal atau memberi khidmat yang buruk atau barangan jualan kita tidak berkualiti, kita tidak anggap perbuatan kita itu tidak baik atau salah. Inilah masalah yang terbesar yang dihadapi oleh masyarakat; pemisahan diri kita sendiri semasa menjadi pengguna dan semasa menjadi pembekal barangan atau khidmat.

Kita adakan kesatuan pengguna seolah-olah pengguna tidak pernah menjadi pembekal. Dengan itu, kesatuan begitu lantang mengecam pembekal tanpa menyoal diri sendiri, apakah kita sebagai pembekal prihatin akan kepentingan pengguna?

Inflasi sifar tidak bermakna bahawa semua barang dan khidmat tidak boleh naik harga sama sekali. Dalam keadaan tertentu; kenaikan harga adalah perlu jika taraf hidup masyarakat hendak dipertingkatkan. Demikian juga inflasi sifar adalah berkenaan dengan kos sara hidup asas. Ia tidak melibatkan sara hidup di peringkat mewah. Ini bermakna bahawa tumpuan kita adalah kepada kos keperluan asas purata. Jika kita ingin membeli barangan mewah atau layanan istimewa, kita perlu sanggup membayar harga yang tinggi dan meningkat.

Kesatuan pengguna mestilah bertanggungjawab. Mereka tidak harus terlibat dengan politik. Mereka juga harus berhati-hati apabila membuat satu-satu dakwaan. Jika tidak, mereka akan merugikan penjual tanpa sebab. Dan penjual bukan semuanya kaya raya. Ramai daripada mereka adalah penjaja.

Kadangkadang, kesatuan pengguna menghasut supaya tuan punya tanah umpamanya menjual mahal atau menghalang pembangunan. Ini dengan sendirinya menyebabkan kos meningkat yang mana pemilik tanah itu sendiri akan menanggung tekanan kenaikan sara hidup.

Strategi Kerajaan ialah mengekalkan kos sara hidup yang rendah untuk membolehkan kita bersaing menarik pelaburan dan mengekalkan daya saing atau '*competitiveness*' barangan buatan kita di pasaran antarabangsa. Kita tidak mempunyai banyak '*competitive advantage*'. Kita kekurangan modal, teknologi dan '*know-how*', pasaran tempatan yang mewah dan besar dan '*network*' atau jaringan pemasaran di seluruh dunia. Yang ada pada kita ialah kos pengeluaran yang rendah kerana kos sara hidup kita yang rendah.

Demikianlah kos sara hidup kita sehingga walaupun pendapatan per kapita kita pada 1994 dihitung sebanyak US\$3,500, tetapi kuasa membeli pendapatan per kapita ini ialah sama dengan US\$8,500 di Amerika Syarikat. Sebabnya kuasa membeli kita lebih tinggi daripada di negara maju ialah kerana kos sara hidup kita rendah. Selagi kos sara hidup itu rendah, kos pengeluaran barangan dan khidmat kita juga akan menjadi rendah. Ini bukan bermakna upah sahaja yang menyumbang, tetapi pengangkutan, bahan-bahan api, air dan sebagainya lagi. Dengan ini, kita



Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad



Sambutan Hari Pengguna Sedunia diadakan setiap tahun dengan tujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang pentingnya aspek-aspek kepenggunaan kepada sistem ekonomi dan kesejahteraan negara. Semua pihak perlu melaksanakan peranan masing-masing secara jujur bagi memastikan keharmonian ekonomi dan sosial masyarakat dapat terus dipertahankan. Masyarakat pengguna, peniaga dan sektor kerajaan perlu sama-sama menggemblengkan tenaga bagi memastikan urusan ekonomi dilaksanakan secara adil dan saksama.

Kadar inflasi tahunan bagi keseluruhan tahun 1994 ialah 3.7 peratus dan untuk empat bulan pertama tahun ini kadar inflasi tahunan ialah 3.3 peratus. Tidak dapat dinafikan bahawa kadar inflasi di negara kita adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain, terutama negara-negara Amerika Selatan yang mana kadar inflasi melebihi 100 peratus setahun. Dibandingkan dengan negara-negara ASEAN pula kadar inflasi di negara kita ialah antara yang terendah sekali.

Bagi tahun ini, kempen anti-inflasi melalui media cetak dan elektronik akan diteruskan tetapi dengan tema yang spesifik, iaitu **INFLASI SIFAR SASARAN KITA**.

Sehubungan itu, golongan peniaga diperingatkan supaya:

- i- Menyediakan bekalan barangan yang mencukupi setiap masa;
- ii- Mengekalkan harga yang stabil dan berpatutan;
- iii- Membekalkan barangan berkualiti yang menawarkan nilai terbaik bagi wang;
- iv- Berniaga dengan sifat penuh beretika dan bertanggungjawab; dan
- v- Mengekalkan kesetiaan pelanggan melalui kejujuran serta perkhidmatan yang baik.

Kempen pada tahun ini juga akan memperkenalkan satu hari yang digelar sebagai "Hari Inflasi Sifar". Hari itu ialah hari Sabtu pertama tiap-tiap bulan. Pada hari tersebut, peniaga-peniaga di seluruh negara digalakkan menjual barang-barang, terutama sekali barang-barang keperluan dengan harga yang rendah dan berpatutan. Sementara itu, para pengguna diseru agar mengunjungi kedai-kedai yang melaksanakan "Hari Inflasi Sifar" dan membuat pembelian secara terancang serta mendapatkan nilai untuk wang yang mereka belanjakan.

Tindakan ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan terhadap gejala buruk inflasi. Hasrat Kerajaan mengurangkan kadar inflasi, sementara menggiatkan ekonomi negara untuk tumbuh dengan pesat, adalah bagi membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan merasai kuasa beli (*purchasing power*) yang lebih tinggi bagi pendapatan yang mereka perolehi sepertimana yang dijanjikan oleh Kerajaan.

Akhirnya, sukalah saya menyeru semua pihak, terutamanya peniaga dan pengguna supaya memberikan komitmen serta kerjasama untuk menyumbang ke arah usaha-usaha mengurangkan kadar inflasi demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan negara.



YB. Dato' Abu Hassan

Petikan Ucapan YB. Dato' Abu Hassan Hj. Omar di Majlis Pelancaran Hari Pengguna Sedunia 1995 dan Kempen Anti-Inflasi pada 2 Jun lalu.

Penasihat

YB. Dato' Hj. Abu Hassan Hj. Omar
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang
Y.Bhg. Dato' Hj. Samsudin Osman

Penasihat Pengarang
Encik Mohd Hamdan Adnan
Dr. Sothi S. Rachagan
Encik Bisn Singh Bahadur

Pengedar: FOMCA

Pengarang
Encik Mohamed Iqbal Mohd Shafi
Encik Zulkipli Abu Bakar

Penolong Pengarang
Encik Lim Ming Lee
Puan P. Jayanthi

Warta CERMAT diterbitkan secara bulanan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama FOMCA. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

Ketua Pengarang
Warta CERMAT
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 23, Menara Maybank,
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-2329955
Fax: 03-2389558

PELANCARAN

Hari Pengguna Sedunia dan Kempen Anti-Inflasi 1995

Sambutan Hari Pengguna Sedunia 1995 telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Jun 1995 di Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Seramai 1,500 orang menghadiri majlis tersebut yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sambutan Hari Pengguna Sedunia melambangkan pengiktirafan dan komitmen Kerajaan terhadap kepentingan aspek-aspek kepenggunaan dalam konteks pembangunan negara dan bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab masing-masing dalam menentukan aktiviti ekonomi berjalan dengan lancar dan adil.

Dalam majlis yang sama juga, Perdana Menteri melancarkan Kempen Anti-Inflasi 1995 dengan tema "Inflasi Sifar Sasaran Kita". Kempen tersebut bertujuan mendapat bantuan semua lapisan masyarakat dalam memerangi inflasi.

Sempena Hari Pengguna Sedunia, anggota masyarakat yang telah memberikan sumbangan kepada pembangunan kepenggunaan sepanjang tahun 1994 telah diberi pengiktirafan. Anugerah Tokoh Pengguna 1994 telah dimenangi oleh Prof. Dr. Sothi Rachagan, Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya. Dr. Sothi Rachagan, 49 tahun juga merupakan Penasihat Undang-Undang kepada



YAB. Perdana Menteri (kiri sekali) menyampaikan anugerah Tokoh Pengguna 1994 kepada Dr. Sothi Rachagan (kanan sekali).

FOMCA. Selain itu, beliau menjadi Penasihat Undang-Undang kepada *Health Action International*, *Consumer International* dan ahli Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan (MPPPK). Penerima-penerima anugerah yang lain adalah seperti berikut:

Kelab Pengguna Sekolah Terbaik 1994:

- Pertama:* Sek. Men. Mudzafar Shah, Spg. Empat, Semanggol, Perak.
Kedua: Sek. Men. Sains Tengku Abdullah, Raub, Pahang
Ketiga: Sek. Men. Keb. Marang, Terengganu.

Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Paling Aktif 1994 (MHEPN): *Pemenang:* MHEPN Pahang.

Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Paling Aktif 1994 (MHEPD):

- Pertama:* MHEPD Majlis Perbandaran Klang, Selangor.
Kedua: MHEPD Bentung, Pahang.
Ketiga: MHEPD Bahagian Miri, Sarawak.

Kedai Harga Patut Terbaik 1994:

- a) *Kategori Pasar Raya*
Pertama: Koperasi Pasar Raya (M) Bhd. Kuala Lumpur (Kopasar).
Kedua: Giant Supermarket Shah Alam Sdn. Bhd. Shah Alam.
Ketiga: The Store Holding Sdn. Bhd. Johor Bahru, Johor.
- b) *Kategori Pasar Mini*
Pertama: Teng Mini Market (TMC), Bangsar, Kuala Lumpur.
Kedua: Pasar Ekonomi Karida Sdn. Bhd. Kuala Terengganu.
Ketiga: Pasarmini A. Kadir bin Kasim, Johor Bahru.
- c) *Kategori Kedai Runcit*
Pertama: Kospek Niaga Tapah Bhd., Tapah.
Kedua: Wanns Mini Market, K. Selangor.
Ketiga: Syarikat Eng Hong, Kuantan.

Majlis Dialog YB. Menteri dengan Swasta

Masalah kepenggunaan adalah tanggungjawab bersama peniaga, pengguna dan Kerajaan. Selain menggalakkan aktiviti kepenggunaan dengan kerjasama badan-badan pengguna, Kerajaan juga menganjurkan aktiviti-aktiviti kepenggunaan dengan melibatkan badan-badan perniagaan.

Sehubungan itu, Kementerian telah menganjurkan satu sesi Dialog YB. Menteri dengan sektor swasta 1995 pada 23, 25 dan 26 Mei lalu. Sejumlah 90 Persatuan, Dewan-dewan Perniagaan dan

Perkhidmatan, Kumpulan Profesional, Syarikat-syarikat dan Saudagar-saudagar Minyak telah diundang menyertai Majlis Dialog tersebut.

Sebanyak lapan sesi diadakan di mana pelbagai isu yang menghalang sektor swasta mengendalikan urusan perniagaan masing-masing telah ditimbulkan.

Dalam ucapan perasmian, YB. Menteri telah berjanji bahawa Kementerian akan memberi sepenuh pertimbangan kepada cadangan-cadangan dan saranan yang dikemukakan dalam majlis tersebut.



Keaslian dan keharmonian alam semulajadi yang semakin berkurangan menyebabkan kadar udara yang bersih atau oksigen turut terjejas...

Tanggungjawab Menjaga Alam Sekitar


Alam sekitar memainkan peranan penting di dalam kehidupan pengguna. Hak hidup dalam alam sekitar yang selamat dan indah adalah antara hak pengguna yang terpenting sehinggakan tarikh 5 Jun setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Alam Sekitar Sedunia.

Hak mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat bererti hak kepada alam sekitar fizikal yang akan memperbaiki atau meningkatkan mutu kehidupan. Hak ini melibatkan perlindungan terhadap masalah persekitaran yang di luar kawalan pengguna secara individu. Ia memaparkan keperluan memelihara dan memperbaiki alam sekitar untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Pencemaran dan pemusnahan alam sekitar banyak berlaku kerana kecuaiannya manusia dan tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Krisis alam sekitar seperti kepanasan dunia, penghakisan lapisan ozon, kehilangan pelbagai spesies haiwan dan tumbuhan, penyalahgunaan bahan kimia dan pemusnahan hutan mengancam kesejahteraan dan keselamatan umat manusia. Semua pengguna, sama ada di negara maju mahupun membangun, sama ada yang tinggal di bandar mahupun luar bandar, terdedah kepada ancaman tersebut.

Akibat yang paling ketara ialah pertamanya, kesihatan pengguna akan terjejas dan ini seterusnya akan meningkatkan kos kesihatan. Kedua, harga barang keperluan akan naik kerana pencemaran akan menyebabkan pengeluaran makanan merosot. Umpamanya, tangkapan ikan berkurangan apabila air laut semakin tercemar. Begitu juga dengan kehidupan air yang lain. Ketiga, keaslian dan



Alam sekitar, anugerah Tuhan yang tiada ternilai harganya.



Penjagaan alam sekitar, tanggungjawab bersama.

keharmonian alam semulajadi yang semakin berkurangan menyebabkan kadar udara yang bersih atau oksigen turut terjejas. Kualiti dan kuantiti alam sekitar semakin merosot.

Beberapa contoh malapetaka alam sekitar yang disebabkan oleh kecuaiannya manusia seperti tragedi kebocoran gas di Bhopal, India dan tragedi kebocoran loji nuklear di Chernobyl, Rusia yang mengorbankan beribu nyawa manusia, haiwan dan pemusnahan tanaman sewajarnya menjadi teladan yang amat penting kepada setiap negara.

Untuk mengatasi ancaman alam sekitar, semua pihak perlu membabitkan diri secara kolektif. Kerajaan, industri dan rakyat Malaysia mempunyai peranan masing-masing untuk mengatasi beberapa ancaman terhadap alam sekitar yang menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan kita semua dan juga generasi akan datang.

Kerajaan umpamanya, telah mengambil beberapa langkah untuk memelihara keharmonian alam sekitar seperti:-

- Menggubal dan menguatkuasakan undang-undang mengurangkan pencemaran alam sekitar;
- Menerapkan unsur-unsur alam sekitar dalam kurikulum sekolah;
- Menaja Pengisytiharan Langkawi semasa Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada 2 Oktober 1989 dan menerima 'Montreal Protocol' untuk mengurangkan penggunaan 'non-essential' kloroflourokarbon (CFC). *Montreal Protocol* menyeru 50 peratus potongan pengeluaran CFC pada tahun 1999. Ini bertujuan untuk menyelamatkan penghakisan lapisan ozon di ruang udara bumi bagi menangani masalah pemanasan global.
- Malaysia juga telah melancarkan "Inisiatif Penghijauan Dunia" pada 27 April 1992 di Persidangan Kedua Menteri-Menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur. Dokumen ini merangkumi program bertindak untuk pemeliharaan alam sekitar.

- Penguasa-penguasa Tempatan menggalakkan dan mengawasi penubuhan serta pengendalian industri untuk 'recycle' dan rawat sisa-sisa isi rumah dan industri; dan

- Merancang dan mengawasi pewujudan dan pengendalian loji-loji merawat sisa-sisa toksik dari industri-industri.

Manakala pihak industri pula bertanggungjawab untuk melindungi alam sekitar. Mereka boleh memberi tumpuan kepada alam sekitar melalui usaha-usaha berikut:-

- * Menghormati dan mengikut undang-undang berkaitan alam sekitar seperti 'Environment Impact Assessment' (EIA) sebelum memulakan sesuatu projek;

- * Memajukan dan menggunakan teknologi untuk memproses sisa-sisa industri dan isi rumah kepada produk-produk yang berguna di samping mengurangkan bahaya ancaman sisa-sisa terhadap kualiti alam sekitar;

- * Mewujudkan dan mematuhi *standard* antarabangsa dalam pengeluaran dan penyimpanan bahan-bahan kimia yang bahaya dan toksik;

Sementara itu, para pengguna pula boleh memelihara alam sekitar dengan mengambil langkah-langkah yang mudah di dalam menjalankan kegiatan harian mereka seperti berikut:-

- △ Mengasingkan bahan-bahan buangan dari rumah sebelum membuangnya bagi memudahkan pengumpulan oleh Penguasa-penguasa Tempatan;

- △ Banyakkan penanaman pokok;

- △ Guna barangan yang tidak mencemarkan alam sekitar;

- △ Tidak sewenang-wenang membuang sampah dan sisa-sisa isi rumah di merata tempat;

- △ Amalkan kebersihan diri dan awam yang baik;

- △ Mendidik anak-anak mengenai alam sekitar;

- △ Membuang dengan sempurna dan betul bahan-bahan merbahaya dan jika perlu, hubungi Penguasa-penguasa Tempatan dan banyak lagi.

Sesungguhnya, keberkesanan dan kejayaan penjagaan alam sekitar memerlukan kesedaran, sokongan dan kerjasama semua pihak dan semua negara di dunia. Tindakan dan usaha yang bersepadu dan secara kolektif semua pihak akan mampu mewujudkan alam sekitar yang harmoni dan terpelihara.

Untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar, Kerajaan telah menggubal undang-undang berikut:

- Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974
- Akta Racun Makhluk Perosak, 1974
- Akta Kilang dan Jentera, 1967
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976
- Akta Pemeliharaan Tanah, 1960
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974
- Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976
- Akta Taman Negara, 1985
- Akta Perikanan, 1985
- Akta Perlombongan, Petroleum, 1966
- Akta Kemajuan Petroleum, 1974

Susu Ibu, Susu Nombor Satu

Walaupun ramai yang mengetahui bahawa susu ibu mengandungi khasiat yang sesuai untuk proses pembesaran bayi, ramai yang lebih gemar untuk memberi susu botol pada bayi mereka.

Sama ada bagi ibu-ibu yang bekerja mahupun yang tidak bekerja, amalan memberi susu botol pada bayi sudah menjadi suatu tabiat yang sukar diubah meskipun menyedari ia adalah amalan yang kurang baik.

Situasi ini menyebabkan bilangan bayi yang mengidap sakit perut, ceret-beret semakin bertambah. Di samping itu, tidak ramai yang mengikuti peraturan menyediakan susu menyebabkan bayi tidak mendapat sukatan yang sebenarnya. Ini mengakibatkan bayi mudah mengidap penyakit. Manakala kebersihan dalam menyediakan susu botol dan puting pula tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.

Anggapan bahawa buah dada akan menurun bentuknya akibat menyusui bayi adalah

tidak benar sama sekali. Padahal, perkara ini adalah kesan daripada terlalu kerap mengandug atau memakai baju dalam yang tidak sesuai semasa mengandug.

Menyusu bayi sendiri pada hakikatnya memberi banyak kemudahan dan kebaikan kepada ibu dan bayi. Ia dapat membantu ibu dan bayi dari segi kesihatan dan juga menyenangkan ibu menyusu di waktu malam tanpa bersusah-payah untuk menyediakan susu. Ia juga memudahkan ibu semasa dalam perjalanan jauh kerana tidak perlu membawa bahan-bahan untuk menyediakan susu. Pada waktu yang sama, ibu-ibu juga dapat menjimatkan wang tanpa perlu membeli susu tepung untuk bayi. Dan, yang lebih penting lagi ialah penyusuan ibu secara langsung dapat mewujudkan suasana dan jalinan kemesraan serta kasih sayang antara ibu dan bayinya ketika proses penyusuan berlangsung; melalui dakapan erat ibu terhadap bayinya.

Kelab Pengguna

Peranan dan Tugas J/kuasa Kelab Pengguna Sekolah

Setiap Kelab Pengguna Sekolah perlu mengetahui dan memahami tanggungjawab dan peranan yang harus dimainkan bagi menjamin keberkesanan dan kejayaan dalam menjalankan kegiatan-kegiatannya.

Sehubungan dengan itu, jawatankuasa yang dilantik juga mesti mengetahui peranan dan tanggungjawab yang harus dijalankan. Sebagai contoh:

- Jawatankuasa diamanahkan mentadbir dan mengurus kelab yang ditubuhkan.
- Jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali dalam dua minggu.
- Rancangan projek-projek dan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil.
- Mengeluarkan risalah-risalah dan berita-berita untuk maklumat dan pendidikan murid-murid.
- Adakan kegiatan-kegiatan, kajian-kajian dan aktiviti-aktiviti lain untuk mencapai matlamat dan tujuan kelab.

Di samping itu, tugas-tugas ahli jawatankuasa adalah seperti berikut umpamanya:

Pengerusi: Mempengerusikan segala mesyuarat dan bertanggungjawab dengan urusan keseluruhan kelab.

Setiausaha: Mencatat dan menyimpan minit-minit mesyuarat, menjalankan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan dan surat menyurat kelab, menyedia dan membuat laporan-laporan kelab.

Bendahari: Bertanggungjawab atas segala kewangan kelab dan menyediakan penyata kira-kira.

Penasihat: Bertanggungjawab dalam memberi nasihat dan pandangan serta tunjuk ajar dalam mengurus kelab dan kegiatannya.

Kelab-kelab Pengguna di seluruh negara dipelawa menyumbang mengenai sebarang kegiatan masing-masing dalam bentuk artikel dan gambar untuk dimuatkan dalam ruangan ini. Semua sumbangan hendaklah dialamatkan kepada: Ketua Pengarang CERMAT, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tingkat 23, Menara Maybank, 50050 K. Lumpur.

Tindakan Anda Apabila Terlibat Dalam Kemalangan Kenderaan

Buat laporan kepada pihak polis dalam masa 24 jam mengenai kemalangan berkenaan.

Maklumkan kepada syarikat insuran anda secara bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh kemalangan berlaku dengan menyertakan laporan polis. Jika ada kes di mana pihak lain mendakwa anda dan anda menerima saman ke mahkamah, jangan sekali-kali mengaku salah tetapi segera maklumkan perkara ini kepada syarikat insuran anda.

Jika anda tidak berbuat demikian, syarikat insuran mungkin tidak akan bertanggungjawab mempertahankan kepentingan anda apabila ada tuntutan terhadap anda atau tuntutan ke atas kerosakan kenderaan orang lain.

Sehubungan itu, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

✓ Adakah anda memiliki polisi insuran kenderaan bermotor dan polisi insuran perlindungan bagi penumpang kenderaan anda.

✓ Sudahkah anda membaca, memahami dan menerima syarat-syarat polisi berkenaan?

✓ Adakah anda telah mengetahui bahawa anda terikat kepada segala peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan?



Pastikan kenderaan anda memiliki insuran yang diperlukan.

Hak-hak Bukan Perokok

Memandangkan bahaya rokok bukan sahaja kepada perokok tetapi juga kepada mereka yang terdedah kepada asap rokok, mereka yang tidak merokok sewajarnya berani mempertahankan hak-hak untuk menikmati udara bersih yang tidak dicemari oleh asap-asap rokok. Di antara hak-hak pengguna bukan perokok ialah:

Hak untuk bernafas di dalam udara yang segar dan bersih. Mereka yang bukan



Hak pengguna yang tidak merokok juga perlu diberi perhatian.

perokok mempunyai hak untuk melindungi alam sekitarnya daripada tercemar agar udara alam sekitarnya bebas daripada asap rokok yang boleh menjejaskan kesihatannya. Untuk menjamin alam sekitar yang selamat, hak perokok tidak perlu dilayan.

Hak untuk membantah sebarang kegiatan yang menjejaskan kesihatan. Pengguna yang bukan perokok perlu berani membantah seseorang perokok agar jangan merokok jika perbuatan perokok mengakibatkan suasana yang tidak selesa. Dengan budi pekerti yang tinggi, pengguna berhak mendapatkan perlindungan.

Hak untuk bertindak. Pengguna yang tidak merokok sebagai individu atau kumpulan berhak bertindak melalui undang-undang, kegiatan sosial atau cara-cara lain yang tidak melampaui undang-undang; bagi melarang perokok-perokok daripada mencemari udara bersih dan mengharamkan mereka daripada merokok di tempat-tempat awam.

Sambungan dari hal... 1

boleh bersaing dengan jayanya dalam pasaran antarabangsa. Eksport kita akan meningkat dan aliran wang masuk akan bertambah dan rakyat kita akan lebih kaya kerana wang yang banyak ini akan dibelanjakan oleh mereka yang dapatnya. Tiap kali seseorang itu berbelanja di dalam negeri, ada orang lain yang akan mendapat keuntungan. Sebaliknya, jika kerana pembekal barangan atau khidmat menaikkan harga maka kos sara hidup akan naik dan kos pengeluaran barangan juga akan turut naik.

Di luar negara, kenaikan kos dalam negeri akan menjejaskan kemampuan barangan kita bersaing dalam pasaran. Pelabur tempatan dan pelabur asing akan hilang minat untuk melabur di negara kita.

Pembekal barangan atau khidmat harus elak daripada menaikkan harga jualan mereka melainkan ada peningkatan daripada segi kualiti atau kuantiti - iaitu peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti. Jika harga barangan atau khidmat tinggal kekal di paras lama kita akan capai inflasi sifar yang menjadi sasaran kempen kita.

Kerajaan berkepentingan mengawal harga barangan dan khidmat supaya tidak melambung

naik. Kawalan harga akan diteruskan dan jika perlu jenis dan bilangan barangan yang perlu dikawal harganya akan ditambah.

Harga sepatutnya ditentukan melalui 'market forces', iaitu kesanggupan pembeli membeli dan penjual menjual. Tetapi ramai manusia yang tamak dan akan menaikkan harga jika tidak ada kawalan. Justeru itu, di Malaysia, penjual tidak boleh terlalu bebas menentukan harga. Kemasukan barangan dari luar, cukai import dan eksport dan beberapa cara lain digunakan oleh Kerajaan untuk mengawal harga dan membendung inflasi.

Pengguna, pembekal dan Kerajaan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Kempen mengawal inflasi tidak akan berjaya selagi kita bersikap lain semasa mengguna dan lain pula bila menjadi pembekal.

Jika kita semasa menjadi pembekal sedar dan insaf akan kepentingan pengguna, iaitu kita sendiri, dan kita tidak membuat sesuatu yang membebankan pengguna, Insya-Allah, kita akan mendapat nikmat daripada kempen anti inflasi sebagai pengguna tanpa merugikan diri kita sebagai pembekal.⁹

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

Bahagian Penguatkuasa:

Bilik Gerakan K. Lumpur	03-4436888/03-4437888
Wilayah Persekutuan K. Lumpur	03-4423555
Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)	03-4433666

Perlis

Kangar: 04-9761478

Kedah

Alor Star: 04-7339062

Sg. Petani: 04-4213400

Langkawi: 049660420

Pulau Pinang

P.Pinang: 04-2616168

Seberang Prai: 04-317500

Perak

Ipoh: 05-2555001

Taiping: 05-8075044

Teluk Intan: 05-6227967

Selangor

Shah Alam: 03-5595544

Kajang: 03-8367444

K.Kubu Baru: 03-8042495

Wilayah Persekutuan

K.Lumpur: 03-4423555

Labuan: 089-417669

N. Sembilan

Seremban: 06-730911

Melaka

Melaka: 06-2820422

Johor

Johor Bahru: 07-2234699

Kluang: 07-736877

Muar: 06-9522709

Mersing: 07-7994211

Pahang

Kuantan: 09-523451

Temerloh: 09-2961688

Raub: 09-3551670

Terengganu

K. Terengganu: 09-6221234

Kemaman: 09-8591919

Kelantan

Kota Bharu: 09-7481117

Kuala Krai: 09-9666368

Sabah

K.Kinabalu: 088-235702

Sandakan: 089-668291

Tawau: 09-776690

Sarawak

Kuching: 082-245202

Sibu: 084-331931

Miri: 085-412862

Bintulu: 086-332176

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Perniagaan

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7318277

Butterworth 04-3327793

Kota Bharu 09-7484599

Kuantan 09-553600

K. Terengganu 09-6237170

Johor Bharu 09-2244710

Melaka 06-2821822

Bahagian Harta Intelek

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-2329955

Kota Kinabalu 088-233571

Kuching 089-428499

Bhg. Hal Ehwal Pengguna

Bhg. Perdagangan Dalam Negeri 03-2329955

Pejabat-Pejabat Pendaftaran Syarikat

K. Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Alor Setar 04-7330111

P. Pinang 04-3332081

Ipoh 05-2416900

Kuantan 09-553866

Kota Bharu 09-7482860

Kota Kinabalu 088-233346

Kuching 082-428499

Labuan 089-414100



CERMAT

Warta Bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Warta CERMAT ialah risalah rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang diterbitkan secara bulanan. Semua bahan dan karya yang tersiar bagaimanapun, tidak semestinya menunjukkan pendirian Kementerian. Penggunaan semula karya atau sebarang bahan yang tersiar adalah dialu-alukan dengan pernyataan penghargaan kepada penerbit.